



UCAPAN

YANG BERHORMAT
PEHIN ORANG KAYA PEKERMA LAILA DIRAJA
DATO PADUKA AWANG HAJI HAZAIR BIN HAJI ABDULLAH
MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SEMPENA MAJLIS SAMBUTAN JUBLI EMAS
PERSATUAN TANJONG MAYA (PERTAMA), TUTONG
1960-2010

25 JAMADILAKHIR 1432
Ahad 29 MEI 2011

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
Bismillah Hirahman Nirrahim

Alhamdulillah Rabbil 'Alamin Wassalatu Wassalamu 'Ala-Asyrafil Mursalin
Saidina Muhammadin Wa'ala Alihi Wasahbihi Ajma'in

Yang Mulia
Awang Haji Ismail bin Haji Parun
Yang Di-Pertua
Persatuan Tanjong Maya (PERTAMA), Tutong

Yang Mulia
Datin Hajah Adina binti Othman
Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan

Yang Mulia
Dato Paduka Awang Haji Mohd Hamid bin Haji Mohd Jaafar
Setiausaha Tetap
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Yang Mulia
Dato Paduka Haji Sa'Bali bin Haji Abas
Setiausaha Tetap
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Yang Mulia
Awang Haji Ismail bin Pehin Orang Kaya Pekerma Setia Dato Paduka Haji Hashim
Timbalan Setiausaha Tetap
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Ahli-Ahli Jawatankuasa Tadbir Persatuan PERTAMA

Para belia dan hadirin serta hadirat yang saya hormati

**Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarkatuh
Dan Selamat Sejahtera**

Alhamdulillah, Terlebih dahulu saya sukacita merakamkan ingin penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Persatuan Tanjong Maya (**PERTAMA**), Tutong, kerana menjemput saya hadir selaku Tetamu Kehormat sempena Majlis Sambutan Jubli Emas persatuan PERTAMA pada pagi ini.

Di kesempatan ini saya dengan ikhlas merakamkan setinggi tinggi tahniah dan syabas kepada pemimpin pemimpin, ahli ahli Persatuan Tanjong Maya (PERTAMA) diatas Sambutan Jubli Emasnya. Sambutan yang diadakan ini merupakan mercu tanda kejayaan Persatuan PERTAMA khususnya para pemimpin, ahli ahli PERTAMA yang telah dapat bertahan dan bergerak maju dalam berpersatuan di Negara Brunei Darussalam. Ini termasuklah juga anggota masyarakat Kampong Tanjong Maya yang telah memberikan sokongan yang padu kepada kegiatan dan segala aktibiti yang diungkayahkan oleh persatuan kampong mereka.

Kemampuan PERTAMA untuk terus bertahan dan bergiat aktif hingga ke hari ini sehingga dapat meraikan sambutan Jubli Emas penunbuhanya melayakkanya untuk dijadikan sebagai salah sebuah persatuan contoh atau role model kepada pergerakan berpersatuan di Negara Brunei Darussalam.

Kejayaan PERTAMA dapat diamati dari kegiatan-kegiatan yang telah diusahakan terutamanya dalam bidang sosial, keugamaan dan ekonomi. Melalui kegiatan ekonominya sebagai contoh, persatuan PERTAMA telah berjaya melibatkan para belia dan masyarakat setempat untuk berkecimpung di dalam arena perniagaan dan keusahaawan.

Dalam pengamatan saya, persatuan PERTAMA telah berjaya menggembeleng para belia dan masyarakat setempat untuk mengambil bahagian di dalam aktiviti-aktiviti sosial, keagamaan dan ekonomi yang diusahakan. Dalam kegiatan-kegiatan yang dianjurkan oleh PERTAMA, jelas terdapat ciri-ciri inovatif dan proaktif dalam aktiviti-aktiviti yang dikendalikan adalah disesuaikan dengan permintaan semasa masyarakat setempat.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

Didalam usaha kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang DiPertuan Negara Brunei Darussalam untuk melaksanakan berbagai program pembangunan dan kemajuan rakyat dan penduduk Negara ini dipelbagai bidang, ianya memerlukan penglibatan dan penyertaan setiap anggota dan lapisan masyarakat rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam. Tanpa sokongan padu dan kebersertaan rakyat dan penduduk khususnya anggota masyarakat setempat usaha kerajaan tidak akan dapat tercapai sepenuhnya.

Didalam konteks pembangunan, kemajuan, keamanan dan perpaduan bangsa, persatuan persatuan di Negara ini mempunyai peranan yang sangat penting sebagai pemangkin (catalyst) kearah menyedarkan dan menggerakkan masyarakat setempat untuk melibatkan diri mereka secara aktif didalam pembangunan ekonomi, sosial, Keagamaan dan juga pada mengujudkan perpaduan dan kesepakatan dikalangan rakyat dan penduduk. Ini termasuk juga pada bertanggungjawab untuk menjaga keharmonian, kesejahteraan, perpaduan, keamanan, dan kestabilan Negara dan masyarakat setempat.

Persatuan persatuan di negara ini adalah juga merupakan sebagai nadi penggerak dan tangan tangan penggembeling yang dapat memasuki dan menjangkau anggota masyarakat setempat disegenap ceruk dan pelusuk di negara ini yang secara berkesan dapat memberikan kefahaman, menterjemahkan, melibatkan dan menggerakkan anggota masyarakat untuk bergerak sama dengan arus pembangunan dan kemajuan yang ingin dibawakan oleh kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia terutama sekali pada mencapai matlamat Wawasan 2035.

Menyentuh mengenai perlunya peglibatan rakyat dan penduduk di Negara ini untuk melibatkan diri dibidang ekonomi dan keusahawanan ada baiknya kita amat amati akan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baghinda Sultan dan Yang DiPertuan Negara Brunei Darussalam semasa Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Majlis Mesyuarat Negara, pada Hari Selasa, 26 Rabiulawal 1432h Bersamaan 1 Mac 2011M. Baginda bertitah:

"Beta berharap semua lapisan rakyat dan penduduk khasnya pihak swasta dan para belia akan dapat sama-sama bergiat lebih progresif untuk mempelbagaikan aktiviti ekonomi negara ini. Janganlah terlepas peluang atau tertinggal dibelakang disebabkan oleh sikap banyak menunggu atau asyik menonton sahaja".

Adalah menjadi tanggungjawab persatuan persatuan dinegara ini untuk berkerjasama dengan agensi agensi kerajaan dan juga pihak pihak swasta untuk merealisasikan akan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia tersebut.

Apa yang penting untuk diambil kira kearah mengerak dan mengembangkan kegiatan ekonomi ialah bagi persatuan persatuan di negara ini untuk menerokai bidang ekonomi dan perusahaan diluar daripada tradisi dan kebiasaan dengan lebih inovatif dan kreatif dan disejajarkan dengan perkembangan pasaran masa kini.

Hadirin dan hadirat yang di hormati sekalian,

Didalam usaha kerajaan untuk mengatasi isu kemiskinan, budaya meminta minta termasuk juga gejala gejala sosial dikalangan masyarakat, Persatuan persatuan di Negara ini adalah juga merupakan sebagai rakan strategik yang sangat berkesan pada mengujudkan perubahan paradigma ataupun mindset masyarakat setempat untuk bersikap lebih berdikari, ingin berusaha, mengamalkan gaya hidup yang sihat dan bermoral, dan mencapai kecemerlangan didalam kehidupan.

Disamping sentiasa perihatin dan memberikan bantuan bantuan kebajikan keatas golongan masyarkat yang susah dan memerlukan bantuan, persatuan persatuan di negara ini adalah dianjurkan untuk melaksanakan program program setempat yang bertujuan untuk membawa keluar anggota masyarakat khususnya golongan belia dan remaja daripada kepompong kemiskinan dan pengangguran.

Sebagai anggota masyarakat yang bertanggung jawab, kita perlu menyedarkan masyarakat untuk tidak pasrah kepada takdir kemiskinan dan sepenuhnya bergantung kepada bantuan bantuan kebajikan kerajaan dan yang dihulurkan oleh masyarakat setempat. Golongan miskin dan susah

yang mempunyai keupayaan mental dan tenaga fizikal untuk berkerja dan berusaha perlu diberikan dorongan untuk berkerja dan berusaha sendiri dengan cara meningkatkan kemahiran diri atau capacity building.

Sehubungan dengan ini Kementerian Kebudayaan, Belia melalui satu skim yang dikelolakan oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dengan Pusat Pembangunan Belia telah memperkenalkan skim PERKASA. Program jangka pendek ini direka khusus untuk membantu golongan sasarannya iaitu para penerima bantuan yang berdaftar di bawah JAPEM untuk memperkasa para penerima bantuan dengan kemahiran yang berkaitan dengan keusahawanan.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian

Generasi muda masa kini memerlukan contoh terbaik dan praktikal daripada golongan dewasa. Adalah menjadi tanggungjawab bersama di kalangan golongan dewasa untuk menunjukkan kepada generasi muda, terutama sekali para remaja, bagaimana mengolah gaya hidup yang membina dan bermanfaat.

Di antara hasrat utama Dasar Belia Kebangsaan ialah untuk menghasilkan belia Brunei yang cemerlang. Ke arah ini para belia akan dipupuk untuk mempunyai sifat dalaman yang cekal dan bertanggungjawab serta mempunyai ciri-ciri murni yang lain seperti disiplin, motivasi, kreativiti, sifat jati diri, semangat yang kental dan kesungguhan untuk mencapai kejayaan.

Di samping itu belia juga seharusnya mempunyai komitmen yang tinggi dengan memiliki kekuatan dan kecekalan dalaman, yang sedemikian insya-Allah para belia boleh mencapai kejayaan dan terkeluar daripada kepompong kemiskinan dan pengangguran.

Dalam hubungan ini, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan akan terus melaksanakan beberapa program membangun keupayaan atau *capacity building*, termasuk secara kerjasama dengan agensi-agensi lain dalam kerajaan dan pihak swasta, terutama nya bagi melatih para belia dalam pembinaan jati diri dan kemahiran tertentu. Sasaran utama ialah para belia yang tidak dapat meneruskan pendidikan akademik mereka.

Melalui Pusat Pembangunan Belia, Kementerian ini disamping kursus kursus yang berjalan pada masa ini, sedang merencanakan untuk menawarkan kursus-kursus pendek di bidang kemahiran yang mempunyai permintaan semasa dalam pasaran (market demands) seperti pemandu *truck* dan dan pelayan.

Sebelum mengakhiri ucapan ini , sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan tahniah setingginya kepada kepimpinan persatuan PERTAMA yang telah menerajui dan membawa persatuan ini kepada kejayaan dan kecemerlangan. Saya berdoa semoga persatuan ini akan terus gigih dan berkembang maju dalam usahanya membangunkan belia-belia yang akan menyumbang kepada pembangunan bangsa dan Negara.

Sekian.

Wabillahit Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarkatuh.

